

Jenis Akhbar : Kosmo Online
Tarikh : 19/07/2019
Edisi / Muka surat : www.kosmo.com.my
Tajuk : *Urus harta pusaka dengan betul*

Urus harta pusaka dengan betul

MAAB sedia bantu orang ramai tingkat pengetahuan, elak perbalahan

Fattah Mohd. Sapiai
19 Julai 2019 3:00 AM



Saruji (kiri) berbincang sesuatu dengan Zaleha mengenai perkhidmatan harta pusaka di kediaman pelanggannya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

KUALA LUMPUR - MyAngkasa Amanah Bhd. (MAAB), syarikat pengurusan amanah, wasiat, hibah dan harta pusaka, bersedia membantu orang ramai memahami lebih mendalam mengenai pengurusan harta pusaka yang betul.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ahmad Saruji Abdul Aziz berkata, proses pentadbiran harta pusaka perlu dilaksanakan segera sebaik sahaja berlaku kematian terutamanya melibatkan tanggungjawab seperti hutang atau tinggalan wasiat sebelum diagihkan kepada waris.

Menurut beliau, dalam konteks tersebut orang ramai perlu bijak memilih pentadbir pusaka kerana ia adalah satu urusan yang rumit dan sekiranya tidak ditadbir dengan baik, sudah pasti akan memberikan tekanan serta tidak mustahil mencetuskan perbalahan di antara waris.

“Meskipun kesedaran mengenai pengurusan harta pusaka dalam kalangan rakyat Malaysia menunjukkan peningkatan namun masih ada yang membuat tidak endah serta tidak mempedulikannya sedangkan terdapat banyak kebaikan yang boleh diperolehi daripada pengetahuan tersebut.

“MAAB bukan sahaja bersedia untuk memberikan penerangan malah, boleh memainkan peranan bagi membantu orang ramai mendapatkan perkhidmatan pengurusan pusaka yang profesional dan efisien,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Ketika ini, MAAB bukan sahaja bersedia memberi penerangan serta menguruskan pentadbiran pusaka tetapi termasuklah amanah, wasiat, hibah dan pemberian khidmat nasihat untuk rundingan tanah.

Bagi mendapatkan perkhidmatan tersebut, MAAB menyediakan kira-kira 1,500 saluran kepada pelanggan sama ada melalui agen korporat, koperasi dan institusi perbankan seperti Pos Malaysia, Coop Bank Pertama, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, Agro Bank, Affin Bank, MBSB Bank, Perbadanan Usahawan Nasional Bhd. serta PMB Investment Bhd. Tambah Ahmad Saruji, penyelesaian pengurusan harta pusaka bukan sahaja memerlukan kepakaran yang terlatih manakala tempoh masa yang perlu pula bergantung kepada jumlah harta pusaka yang ditinggalkan.

“Buat masa sekarang, kami sudah menerima 300 kes melibatkan permohonan pusaka Muslim serta bukan Muslim dan daripada jumlah tersebut ada yang baru diterima, dalam proses serta sudah diselesaikan,” katanya.

Sementara itu, seorang pelanggan pentadbir pusaka MAAB, Datin Zaleha Md. Yusoff berkata, perkhidmatan pentadbiran harta pusaka MAAB sangat membantu meringankan urusannya memandangkan dirinya masih bekerjaya.

“Segala proses berkaitan harta pusaka diuruskan oleh MAAB sepenuhnya sehinggalah proses pembahagian dilaksanakan malah, pegawai yang ditugaskan juga sentiasa memberi makluman mengenai status kes tersebut,” ujarnya.